



JABATAN PREMIER SARAWAK

(UNIT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA)
TINGKAT 9, 10 & 11 WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING, SARAWAK



PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 7 TAHUN 2023

DARIPADA: **Setiausaha Kerajaan Sarawak**

KEPADA: **Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Jabatan Sarawak
Semua Ketua Badan Berkanun Sarawak
Semua Setiausaha Pihak Berkuasa
Tempatan**

SALINAN
KEPADA: **Pengarah Audit Negara, Cawangan Sarawak
Pengarah Audit Dalam**

PERKARA: **PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT**

RUJUKAN: **15 /JKM/SHRU/TM/500- TARIKH: 03 APR 2023
3/5/1/2/JLD. 7**

1. TUJUAN

Pekeliling Perjawatan ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kerajaan Sarawak telah bersetuju untuk **menambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bagi pegawai Perkhidmatan Awam Sarawak** selaras dengan Surat Edaran Rujukan JPA.(S).800-1/1/7(3) bertarikh 5 September 2022.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat diperuntukkan untuk menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan ahli keluarga terdekat. Kemudahan cuti tanpa rekod ini diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Sarawak melalui Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 6 Tahun 2015 yang menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2015 yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

2.2 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengeluarkan Surat Edaran Rujukan JPA.(S).800-1/1/7(3) bertarikh 5 September 2022 berkaitan penambahbaikan Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

"Together We Drive the Workforce in the Civil Service to be World Class"



082 - 441957



082 - 445613



hrmmaklumat@sarawak.gov.my

3. TAFSIRAN

Dalam pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

'**ahli keluarga terdekat**' bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto* dan anak pelihara, adik-beradik, nenek dan datuk kepada pegawai.

'**anak angkat**' bermaksud anak yang diangkat di bawah ***Adoption Ordinance 1958 (Sarawak Cap. 91)*** atau di bawah undang-undang yang berkuatkuasa semasa.

'**anak pelihara**' bermaksud seseorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu bapa peliharaan di bawah perenggan 30(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611].

'**ibu angkat**' bermaksud ibu kepada anak angkat yang sah di sisi undang-undang.

'**bapa angkat**' bermaksud bapa kepada anak angkat yang sah di sisi undang-undang.

'**bapa mentua**' bermaksud bapa kepada isteri atau suami yang sah.

'**ibu mentua**' bermaksud ibu kepada isteri atau suami yang sah.

'**adik – beradik**' bermaksud beberapa orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan kerana seayah dan seibu, atau seayah atau seibu.

'**nenek**' bermaksud ibu kandung kepada ibu kandung atau bapa kandung pegawai.

'**datuk**' bermaksud bapa kandung kepada ibu kandung atau bapa kandung pegawai.

4. PELAKSANAAN

Kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat hendaklah dilaksanakan seperti yang berikut:-

- 4.1 Kemudahan ini diberikan selama **tiga (3) hari berturut-turut** sebagai Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai Perkhidmatan Awam Sarawak untuk apa-apa urusan pengebumian jenazah ahli keluarga terdekat itu dan untuk membantu waris-waris jenazah tersebut untuk urusan-urusan lain yang berkaitan;
- 4.2 Bagi maksud kemudahan yang diperuntukkan untuk urusan kematian ibu mentua atau bapa mentua, kemudahan ini adalah terhad bagi **seorang ibu mentua dan seorang bapa mentua sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan**;

4.3 Cuti Tanpa Rekod ini hendaklah:-

- i. bermula pada **tarikh kematian** ahli keluarga terdekat atau **pada hari berikutnya** jika ahli keluarga **berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat**; dan
- ii. meliputi hari **rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am**. Bagi maksud pekeling ini, masa selepas waktu pejabat juga terpakai bagi hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.

4.4 Kemudahan ini adalah **tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan** dan Ketua Jabatan boleh memanggil balik pegawai jika ketiadaan pegawai di tempat kerja boleh memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan awam; dan

4.5 Permohonan Cuti Tanpa Rekod ini hendaklah **dikemukakan melalui Government Employees Management System (GEMS)** dengan melampirkan **salinan dokumen pengesahan kematian** ahli keluarga terdekat apabila pegawai kembali bertugas dan hendaklah **dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai**.

5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeling Perjawatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.


6. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeling perjawatan ini, **Surat Pekeling Perjawatan Bilangan 6 Tahun 2015 rujukan: 85/JKM/SHRU/TM/500-3/13/Kemudahan/Cuti Tanpa Rekod bertariikh 9 November 2015 adalah dibatalkan**.

7. PEMAKAIAN

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing – masing, peruntukan Pekeling Perjawatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak.

**“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”
“AN HONOUR TO SERVE”**



DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN MARZUKI
Setiausaha Kerajaan
Sarawak